

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERIDR SITIHASMAH BT HAJIMOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN MINGGU JANTUNG KUALA LUMPUR
DI SURIA KLCC, KUALA LUMPUR
PADA HARIKHAMIS, 13 OGOS 1998
JAM 10.00 PAGI

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Jantung Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Minggu Jantung Kuala Lumpur kerana menjemput saya dan ahli BAKTI ke Majlis Perasmian Minggu Jantung Kuala Lumpur yang bertemakan 'Aktiviti Sihat Jantung Sihat'.

2. Sayajuga mengucapkan tahniah kepada Yayasan Jantung Malaysia atas usaha mereka menganjurkan program Minggu Jantung sejak tahun 1991 hingga ke hari ini. Usaha Yayasan untuk membantu Kerajaan meningkatkan kesedaran orang ramai untuk mencegah dan mengawal penyakit Jantung perlu dipuji dan disokong. Usaha mereka menggabungkan badan-badan NGOs dan Jabatan Kerajaan untuk bekerjasama adalah langkah yang baik kerana usaha dan tugas yang sebegini dapat memberi kesan dan pencapaian yang lebih bermakna selain dari meringankan beban dan mengurangkan belanja.

3. Penyakit jantung tidak memilih mangsanya, malahan kita sendiri yang menjemputnya dengan tabiat dan cara hidup yang tidak sihat. Mengikut statistik di negara kita, kadar morbiditi dan kematian penyakit jantung dan saluran darah adalah tinggi. Ianya merupakan punca utama kematian di negara kita dimanahampir 30 peratus dari semua kematian adalah akibat penyakit jantung dan saluran darah atau penyakit kardiovaskular. Mengikut statistik

kita penyakit jantung koronari masih merupakan penyebab utama kematian iaitu 19 peratus dari semua kematian bagi tahun 1996 dan dianggarkan dari setiap 100,000 orang lelaki terdapat 100 daripada mereka mengidap penyakit jantung koronari. Sebagai langkah pencegahan, kita semua samada sebagai individu atau kumpulan perlu mainkan peranan masing-masing.

4. Kajian W.H.O. mendapati bahwa purata orang yang diserang penyakit jantung di Barat yang dulu adalah tinggi, kini sekarang menunjukkan penurunan kerana galakan kempen cara hidup sihat. Berdasarkan kepada pengalaman itu, Kerajaan telah mengadakan beberapa program kesihatan antaranya siri kempen Cara Hidup Sihat tahunan sejak tahun 1991, Program Rakan Muda, Malaysia cergas dan lain-lain lagi.

5. Penyakit jantung seperti banyak penyakit lain, boleh dicegah. Faktor yang penting yang perlu kita ambil berat adalah pemakanan kita. Dengan mengamal pemakanan, kita dapat menghindar masalah berat badan berlebihan, darah tinggi, kencing manis, penyempitan saluran darah, yang semua ini, jika tidak di kawal dan dirawat dengan betul akan menyebabkan penyakit jantung.

6. Negara kita mempunyai kepakaran dan kemudahan untuk merawat hampir semua penyakit jantung, sekiranya pesakit mendapat rawatan awal. Kita juga mampu menjalankan pemindahan organ, jika ada pendermanya. Malangnya kos untuk rawatan dan perubatan adalah tinggi dan kemungkinan kos akan terus meningkat. Buat masa ini tenaga mahir dan kemudahan peralatan untuk rawatan masih lagi berkurangan dan sangat terhad untuk merawat pesakit jantung di seluruh negara, yang semakin meningkat sehingga ini.

7. Saya difahamkan bahawa Akademi Perubabatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan telahpun menyediakan beberapa garis panduan bagi beberapajenis penyakit untuk membantu doktor- doktor memberi rawatan yang tepat dan terkini. Pada hari ini majlis akan melancarkan dua garis panduan. Saya mengucapkan tahniah kepada Akademi Perubatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan atas daya usaha mereka dalam menyediakan garis panduan ini.

8. Tekanan darah dan kolesterol tinggi adalah 'penyakit tanpa tanda'. Banyak daripada mereka yang mengidap risiko ini tidak berminat untuk mendapat atau menyambung rawatan. Keadaan ini yang menjadi cabaran besar bagi doktor-doktor untuk meyakinkan mereka tentang pentingnya keperluan rawatan perubatan dan amalan cara hidup yang sihat seumur hidup seperti mengekal berat badan yang unggul, mengurangkan makanan yang masin dan berlemak, berhenti hisap rokok dan menjalankan senaman.

9. Untuk mereka yang memerlukan rawatan dengan ubat-ubatan, sekarang terdapat ubat-ubatan yang tidak memberi kesan sampingan yang banyak. Dengan ini diharap mereka-mereka yang mengidap tekanan darah dan kolesterol yang tinggi akan terus dapatkan rawatan daripada doktor mereka.

10. Adalah lebih baik kita mencegah dan mengawal segala penyakit dengan mengamalkan cara hidup sihat dari awal. Dengan tabiat ini kita bukan sahaja dapat mencegah penyakit tetapi boleh menjimat perbelanjaan dan dapat menghayati masa tua kita dengan selesa dan aman. Pihak Yayasan Jantung Malaysia, Kerajaan dan doktor-doktor sahaja tidak dapat membantu mencegah penyakit jantung andajika anda sendiri tidak bekerjasama. Justeru itu saya seru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, mulalah langkah pencegahan sementara anda masih sihat dan berupaya.

11. BAKTI sedia maklum masalah yang ditanggung oleh pesakit-pesakit jantung dan ahli keluarga mereka terutama mereka yang tinggal jauh dari pusat rawatan dan mereka yang dari golongan berpendapatan rendah. Atas keperihatin kami di BAKTI, maka BAKTI telah bersetuju menyumbang sebuah van Rusa kepada Yayasan Jantung Malaysia untuk kemudahan pengangkutan kepada penghuni Rumah Perantaraan anjuran Yayasan Jantung Malaysia. BAKTI harap dengan adanya van ini, ahli-ahli keluarga pesakit yang menemani pesakit di IJN atau di hospital-hospital yang berdekatan, dan tidak mempunyai tempat tinggal, digalakkan menggunakan kemudahan Rumah Perantaraan ini dan tidak lagi perlu bermalam di ruang legar hospital.

12. Disini saya mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada kaum wanita khususnya dan pada ahli keluarga dan pakar rawatan pada umumnya untuk sentiasa peka menjaga kesihatan diri sendiri, terutama tentang faktor risiko penyakit jantung yang menjadi faktor utama penyebab hilang keupayaan dan kematian kepada kaum wanita apabila umur meningkat

13. Kepada pihak ahli keluarga dan pihak pakar perubatan, saya minta perhatian yang sama berat perlu diberi kepada kaum wanita dan tidak mengangap yang hanya kaum lelaki sahaja yang mengidap penyakit jantung.

14. Kaum wanita perlu diberi perhatian lebih kerana faktor-faktor risiko bagi kaum wanita adalah pelbagai termasuk umur, tahap kolesterol yang tinggi, tekanan darah tinggi, kurang aktiviti, tekanan perasaan, diabetes, berat badan yang berlebihan dan risiko bersangkutan dengan putus haid. Tanggungjawab kaum wanita yang pelbagai dan tanggungjawab mereka kepada keluarga membuat pembaharuan kepada cara hidup amat sukar. Mereka mengidap

penyakit jantung ketika usia mereka telah meningkat dan mengambil masa yang lebih panjang untuk sembuh dan biasanya mempunyai lebih banyak komplikasi apabila dibandingkan dengan pesakit kaum lelaki.

15. Saya harap terbitan Garispanduan 'Malaysian Consensus Guidelines on Hypertension 1998' dan '2nd Consensus Statement on Management of Hyperlipidemia' sedia ada memberi panduan khas untuk golongan kaum wanita.

16. Saya mengucapkan tahniah kepada Yayasan Jantung Malaysia dan semua yang telah bekerjasama menyumbang tenaga, dan masa untuk menjayakan Minggu Jantung Kuala Lumpur 1998 ini.

17. Dengan sukacitanya saya merasmikan Minggu Jantung Kuala Lumpur 1998 bersama dengan pelancaran Program Heartwise, Laman Web Yayasan Jantung dan Laman Web Persatuan Hypertensi dan Stroke Malaysia, serta Garispanduan 'Malaysian Consensus Guidelines on the Treatment of Hypertension 1998' dan Garispanduan '2nd Consensus Statement on Management of Hyperlipidemia'.
